

Tekad terus legasi kecemerlangan

» 41,000 graduan prasiswazah, pasca siswazah dilahirkan sejak 20 tahun lalu

Oleh Che Hasruddin Che Hasan
bhnews@bh.com.my

BH 23.11.2013 2

Kota Kinabalu

Tanggal 24 November 1994 menjadi detik bersejarah kepada rakyat Sabah apabila janji kerajaan menubuhkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama di negeri ini dikotakan.

Masyarakat di Beaufort ketika itu menjadi saksi pengumuman bersejarah penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS) oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Kini, selepas usia 20 tahun, UMS melahirkan 41,000 graduan prasiswazah dan pasca siswazah yang kompetitif dalam pelbagai bidang, sekali gus menjadi pemangkin pertambahan aset pendidikan negeri dan negara.

Selepas kumpulan 643 graduan sulung menerima ijazah

masing-masing pada Majlis Konvokesyen UMS pertama pada 1999, bilangan graduan UMS terus meningkat.

Aspirasi UMS dalam mencapai tekad pengiktirafan di peringkat antarabangsa menyaksikan universiti itu melebarkan sayap dengan penubuhan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada 1999.

Kampus itu menempatkan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Hasilnya, pada 2002, seramai 337 penuntut SPKAL dan 48 dari SSIL menjadi kumpulan pertama graduan UMSKAL. Sehingga kini, UMSKAL melahirkan seramai 6,443 graduan yang memenuhi tenaga pasaran.

Konvokesyen UMS Ke-10 pada 2008 mencatat detik istimewa buat kumpulan 30 pelajar program perubatan yang menerima ijazah masing-masing selepas menamatkan pengajian selama lima tahun, sekali gus menjadi kumpulan program perubatan pertama universiti itu.

362 penuntut perubatan

Sehingga kini, 362 penuntut program perubatan dihasilkan yang menjadi bukti tekad UMS mencapai kecemerlangan dalam



Persembahan muzik tradisi Sound of Borneo yang dipersembahkan pelajar memeriahkan majlis pembukaan Tamu Gadang UMS sempena Konvokesyen Ke-15 di kampus UMS, Kota Kinabalu.

[FOTO LANO LAN/BH]

menghasilkan produktiviti dan kualiti tinggi dalam konteks persekitaran dan aspirasi pembangunan masyarakat serta negara.

Wawasan UMS terhadap pengajian tinggi tidak hanya menjurus kepada tenaga muda lepasan sekolah, tetapi meliputi golongan profesional, pengajar dan sebagainya dengan menawarkan Diploma Lanjutan, Sarjana (484), Sarjana Falsafah (10) dan PhD (106).

program pasca siswazah.

Bermula 2007, seramai 1,007 graduan program pasca siswazah dihasilkan, merangkumi 404 graduan Diploma Lanjutan, Sarjana (484), Sarjana Falsafah (10) dan PhD (106).

Peluang golongan bekerja

Angka itu membabitkan 28 penuntut antarabangsa untuk bidang sarjana dan 26 penuntut program PhD, menunjukkan ke-

mudahan pendidikan dan prasarana ditawarkan UMS mendapat perhatian golongan profesional serata dunia.

UMS turut membuka peluang pendidikan kepada golongan bekerja, terutama penduduk Sabah meningkatkan tahap ilmu pengetahuan serta kemahiran melalui Pusat Luar UMS (PLUMS) yang menawarkan pelbagai program di peringkat prasiswazah dan pasca siswazah.